

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Rabu, 23 September 2020 10:08 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Syabas! UUM Disenaraikan Dalam QSWUR: Global MBA 2021



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 SEPTEMBER 2020 / 5 SAFAR 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: CIG, UUM Corporate Communication

SYABAS! UUM DISENARAikan DALAM QSWUR: GLOBAL MBA 2021



UUM ONLINE: Buat pertama kalinya Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) disenaraikan dalam QS World University Rankings (QSWUR): Global MBA 2021 dengan berada di kedudukan ke-201+, sekali gus meletakkan UUM di tangga ke-27 terbaik di Asia.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, hasrat UUM untuk menjadikan OYAGSB sebagai *Top Business School* menjelang 2025 semakin menjadi kenyataan dengan tersenaraikannya dalam QSWUR tersebut.

"Sesungguhnya saya bangga dan gembira di atas penyenaraian OYAGSB di dalam ranking antarabangsa yang mana secara tidak langsung telah mengiktiraf sekolah siswazah itu di persada dunia.

"OYAGSB mempunyai nama dan kualiti yang tersendiri, justeru saya yakin ia mampu membawa nama UUM ke satu tahap yang lebih tinggi lagi," katanya.

Beliau berkata, pencapaian ini adalah satu hasil yang sangat hebat dan ia disebabkan usaha keras seluruh warga UUM, khususnya OYAGSB sendiri untuk meletakkan diri mereka di tahap membanggakan ini.

Menurutnya, beliau berharap momentum itu dapat diteruskan dan dikekalkan agar UUM terus melangkah ke hadapan dan dapat merealisasikan misi untuk memastikan OYAGSB berstatus *Triple Crown*, selain *Top Business School*.

“Saya juga mahu melihat OYAGSB bersama-sama UUM Kampus Kuala Lumpur (UUMKL) dan PACE bergerak seiring agar cita-cita untuk menjadikan UUMKL sebagai **Crown Jewel UUM** menjadi kenyataan.

“Impian ini sudah pasti akan terlaksana setelah OYAGSB berjaya memperoleh AACSB dan AMBA, seterusnya EQUIS menjelang 2025,” katanya.

Penilaian QSWUR: Global MBA 2021 mengguna pakai lima (5) indikator yang dikategorikan dalam lima kategori utama iaitu *Employability*, *Return on Investment*, *Entrepreneurship & Alumni Outcomes*, *Thought Leadership* dan *Class & Faculty Diversity*.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.